



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

PANDUAN MODAL TEROKA

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Gambaran Umum Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)	1
OPERASI AM DAN IMPLIKASI CBP KE ATAS PERNIAGAAN MODAL TEROKA	1
Pelabur	1
Syarikat Modal Teroka (VCC).....	2
Syarikat Pengurusan Modal Teroka (VCMC).....	2
Syarikat Pelaburan (IC)	2
Kredit Cukai Input (ITC).....	3
Pembiayaan Modal Teroka Islam	4
Pelaburan dalam Syarikat Pelaburan di luar Malaysia.....	5
SOALAN LAZIM	6
KOMEN DAN MAKLUMBALAS.....	8
BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT.....	8

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan bagi membantu anda di dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasinya ke atas perniagaan modal teroka.

Gambaran Umum Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM DAN IMPLIKASI CBP KE ATAS PERNIAGAAN MODAL TEROKA

Pelabur

5. Pelabur adalah pembekal kewangan dan ianya termasuk bank, syarikat insuran, pengamanah, agensi kerajaan dan individu. Mereka melabur wang mereka dengan membeli unit daripada Syarikat Modal Teroka (VCC) masing-masing dan mendapatkan kembali pelaburan mereka dengan menebuskan unit itu. Penjualan

unit itu merupakan pembekalan dikecualikan dan oleh itu tidak tertakluk kepada CBP. Apabila pelabur menebus unit mereka, ia merupakan suatu pembekalan di luar skop.

Syarikat Modal Teroka (VCC)

6. VCC adalah pihak yang mengenalpasti bakal Syarikat Pelaburan (IC) untuk dilabur dan menyuntikkan modal dengan membeli syer IC. Bagi tujuan pelaburan, VCC mendapatkan perkhidmatan pengurusan dari Syarikat Pengurusan Modal Teroka (VCMC). VCMC seterusnya mengenakan fi pengurusan kepada VCC. VCC mendapatkan balik pelaburannya dengan menjual syer ICnya kepada pihak ketiga atau semasa urusan IPO. Menjual syer adalah satu pembekalan dikecualikan dan tidak tertakluk kepada CBP. Bagaimana pun, pembekalan perkhidmatan pengurusan dan perundingan oleh VCMC kepada VCC adalah suatu pembekalan berkadar standard.

7. Dalam kes di mana VCC menyediakan perkhidmatan pelaburan dan pengurusan/perundingan kepada IC, VCC itu adalah membuat kedua-dua perkhidmatan dikecualikan (pelaburan) dan bercukai (perkhidmatan pengurusan). Bagi perkhidmatan pengurusan/perundingan, VCC hendaklah mengenakan CBP kepada IC jika ia seorang berdaftar dan menuntut kembali kredit cukai input atas input yang boleh diagihkan kesemuanya kepada pembekalan itu.

Syarikat Pengurusan Modal Teroka (VCMC)

8. VCMC membekal perkhidmatan pengurusan dan perundingan kepada VCC. Perkhidmatan itu adalah pembekalan berkadar standard yang boleh dikenakan CBP. Bagaimana pun, VCMC dibenarkan untuk menuntut cukai input ke atas perbelanjaannya yang boleh diagihkan untuk membuat pembekalan tersebut.

Syarikat Pelaburan (IC)

9. IC ialah pihak yang menerima pembiayaan modal teroka. Apabila IC mendapat keuntungan, pemegang syer asal IC boleh memperoleh syer VCC dalam IC atau VCC boleh menjual syer tersebut dalam pasaran saham. Jualan syer oleh VCC adalah pembekalan dikecualikan. Sekiranya IC membuat pembekalan bercukai

barang atau perkhidmatan, IC itu adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah CBP apabila nilai perolehan bercukainya melebihi nilai ambang yang ditetapkan.


Kredit Cukai Input (ITC)

10. Oleh kerana sesebuah syarikat modal teroka membuat kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan, syarikat itu berhak untuk menuntut cukai input ditanggung ke atas perolehan yang secara langsung boleh diagih kepada pembekalan bercukai. Bagi lebihan input (residual inputs) seperti letrik dan premium insuran, syarikat tersebut boleh menuntut ITC berdasarkan kaedah-kaedah pembahagian.


Pembekalan dibuat dalam Perniagaan Modal Teroka

11. Pembekalan dibuat dalam perniagaan modal teroka diilustrasikan dalam Rajah 1 dan Rajah 2 berikut:

Rajah 1: Pembekalan dibuat yang mana VCMC and VCC adalah entiti berasingan



Rajah 2: Pembekalan dibuat yang mana VCMC dan VCC satu entity



12. Implikasi CBP ke atas pembekalan dalam Rajah 1 dan Rajah 2 di atas boleh diringkaskan seperti berikut:

- (a) Dana disumbangkan kepada VCC untuk pelaburan dalam IC oleh pelabur-pelabur bukanlah suatu pembekalan;
- (b) Jualan unit / syer sesebuah IC kepada VCC untuk memegang pemilikan dalam IC itu adalah pembekalan dikecualikan;
- (c) Pembekalan perkhidmatan pengurusan/ perundingan oleh VCMC untuk mengurus pelaburan VCC adalah berkadar standard;
- (d) Pulangan pelaburan yang diagihkan oleh VCC kepada pelabur-pelabur bukan merupakan satu pembekalan;
- (e) Jualan syer VCC dalam IC merupakan pembekalan dikecualikan.


Pembiayaan Modal Teroka Islam

13. Secara amnya, struktur bagi perniagaan modal teroka Islam adalah Al-Mudharabah (perkongsian untung) atau Al-Musyarakah (usaha sama). Perniagaan modal teroka Islam diberi layanan cukai yang sama seperti yang konvensional.

Pelaburan dalam Syarikat Pelaburan di luar Malaysia

14. Implikasi CBP ke atas pelaburan sedemikian seperti berikut:
- (a) Dana disumbang kepada VCC untuk pelaburan dalam IC oleh pelabur-pelabur bukan merupakan suatu pembekalan
 - (b) Jualan unit/syer sesebuah IC kepada VCC untuk memegang pemilikan dalam IC itu adalah pembekalan yang bukan dalam skop CBP
 - (c) Pembekalan perkhidmatan pengurusan/perundingan oleh VCMC untuk mengurus pelaburan VCC adalah berkadar sifar
 - (d) Jualan syer VCC dalam IC adalah pembekalan bukan dalam skop CBP
 - (e) Perkhidmatan broker yang dibekalkan dalam Malaysia untuk pelaburan perniagaan di luar negara adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Rajah 3: Pembekalan dibuat oleh broker bagi pihak VCC atas pelaburannya dalam IC bertempat di luar Malaysia.



SOALAN LAZIM

Pendaftaran

S1: Jika sebuah VCC hanya membuat aktiviti pelaburan (pembekalan dikecualikan), adakah syarikat ini perlu berdaftar?

J1: Syarikat tersebut tidak perlu berdaftar.

S2: Saya adalah sebuah VCC yang membuat perkhidmatan pelaburan dan pengurusan kepada syarikat pelaburan. Perlukah saya berdaftar bawah CBP?

J2: Oleh kerana aktiviti pelaburan adalah pembekalan dikecualikan dan perkhidmatan pengurusan adalah pembekalan bercukai, nilai perolehan bercukai bagi tujuan pendaftaran akan hanya mengambilkira perkhidmatan pengurusan. Anda dikehendaki untuk berdaftar jika nilai perolehan bercukai anda melebihi nilai ambang. Bagaimana pun, jika nilai perolehan bercukai anda adalah di bawah nilai ambang, anda boleh juga memohon untuk berdaftar secara sukarela. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Umum*.

Pendaftaran Berkumpulan

S3: Bolehkah sesebuah VCC memohon untuk menjadi ahli dalam pendaftaran berkumpulan?

A3: Pendaftaran berkumpulan hanya dibenarkan untuk syarikat-syarikat yang membuat sepenuhnya pembekalan bercukai. Oleh kerana VCC adalah kebiasaannya seorang pembekal bercampur iaitu membuat pembekalan bercukai dan dikecualikan, VCC adalah tidak layak untuk pendaftaran berkumpulan.

Kredit Input Cukai (ITC)

S4: Saya menanggung perbelanjaan guaman dalam mengusahakan satu pelaburan. Bolehkah saya sebagai seorang VCC berdaftar menuntut CBP ke atas perbelanjaan guaman?

- J4: Anda dibenarkan untuk menuntut CBP ke atas input anda yang boleh diagihkan kepada pembekalan bercukai. Oleh kerana pelaburan merupakan pembekalan dikecualikan, anda tidak layak untuk menuntut kredit cukai input yang boleh diagihkan kepada pembekalan itu.
- S5: Saya seorang VCC berdaftar dan menanggung perbelanjaan keraian untuk mendapatkan beberapa pelaburan daripada pelabur yang berpotensi. Bil telah dikeluarkan di bawah nama syarikat saya. Bolehkah saya menuntut CBP ke atas perbelanjaan keraian yang ditanggung?**
- J5: Oleh kerana perbelanjaan ditanggung diagihkan kepada pembekalan dikecualikan, anda tidak layak untuk mendapatkan ITC.
- S6: Saya seorang VCC berdaftar dan saya menanggung caj ke atas telefon, letrik, sewaan dan perbelanjaan operasi lain yang berkaitan dengan kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan. Bolehkah saya menuntut ITC ke atas perbelanjaan itu?**
- J6: Perbelanjaan tersebut adalah dianggap sebagai caj lebihan (residual charges). Anda dibenarkan untuk menuntut caj lebihan berdasarkan kaedah pembahagian. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Kredit Cukai Input*.
- S7: Saya sebagai seorang VCC berdaftar menanggung perbelanjaan perubatan untuk pekerja saya. Adakah saya layak untuk menuntut ITC ke atas perbelanjaan sedemikian?**
- J7: Anda tidak layak untuk menuntut CBP ditanggung ke atas perbelanjaan perubatan untuk pekerja anda kerana ia merupakan input disekat. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Kredit Cukai Input*.

Perkhidmatan Diimport

- S8: Apakah implikasi CBP ke atas perkhidmatan perundingan diperolehi oleh VCC berdaftar apabila ia memperolehinya dari luar negara dan adakah VCC itu boleh menuntut ITC bagi pembekalan ini?**
- J8: CBP adalah ditanggung atas perkhidmatan diimport. Sebagai penerima, VCC mestilah mengakaun CBP ke atas perkhidmatan yang diimport sebagai cukai

ouput (dikenali sebagai mekanisme caj balikan) dalam penyata CBPnya (Penyata CBP No.3) dan membayar cukai berkaitan. Dia juga layak untuk menuntut cukai ouput itu sebagai ITCnya jika perkhidmatan perundingan yang diimport itu boleh diagihkan di dalam membuat pembekalan bercukai, iaitu perkhidmatan pengurusan. Bagaimanapun, jika pekhidmatan diimport itu adalah diagihkan kepada sesuatu usaha pelaburan, VCC tersebut adalah tidak layak untuk menuntut ITC kerana ia adalah pembekalan dikecualikan.

S9: Adakah saya kena menanggung CBP ke atas perkhidmatan yang diimport jika saya bukan seorang yang berdaftar?

J9: Ya, CBP adalah ditanggung ke atas perkhidmatan yang diimport walau pun anda tidak berdaftar untuk CBP. Anda adalah dikehendaki untuk mengiystihar dan membayar cukai output ke atas perkhidmatan yang diimport dalam Borang CBP No. 5. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Panduan Umum* ke atas Perkhidmatan Diimport.

KOMEN DAN MAKLUMBALAS

15. Apa-apa maklumbalas dank omen amatlah dihargai. Sila email maklumbalas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

BANTUAN ATAU MAKLUMAT LANJUT

16. Maklumat lanjut boleh didapatkan dari:

- (a) Laman Sesawang CBP: www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - E-mel : ccc@customs.gov.my